

## KEMPEN HONG LEONG CASA-i GROW 2 WIN 2019

### TEMPOH KEMPEN

Kemaskini terakhir on 30 September 2019

“Kempen Hong Leong CASA-i Grow 2 Win 2019” Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“**HLISB**”) (selepas ini dirujuk sebagai pihak “**Bank**”). bermula pada **1 Oktober 2019** dan berakhir pada **31 Disember 2019**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan jika diberitahu sebaliknya.

### TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT (“T&C”)

T&C yang ditetapkan berkenaan dengan kempen adalah seperti berikut:-

### KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada Pemegang Akaun Individu Sedia ada dan / atau Baharu Bank bagi kedua-dua warganegara Malaysia and bukan waraganegara (“**Pelanggan**”). Kempen ini **TIDAK** terpakai kepada pelanggan Perbankan Prioriti dan Perbankan Persendirian dan pelanggan bukan individu termasuk pemilikan tunggal, perkongsian, amalan professional, syarikat dan badan korporat.

Bagi mengelakkan keraguan:-

- i. “**Pemegang Akaun Individu Sedia Ada**” merujuk kepada pelanggan individu yang merupakan pemegang akaun utama dan telah membuka mana-mana Akaun Penyertaan-i dengan Bank (seperti yang dikarifikan di bawah Klausula 2) sebelum Tempoh Kempen;
  - ii. “**Pemegang Akaun Individu Baharu**” merujuk kepada pelanggan individu yang merupakan pemegang akaun utama yang tidak mempunyai Akaun Penyertaan-i dengan Bank sebelum Tempoh Kempen dan membuka Akaun Penyertaan-i dalam Tempoh Kempen;
  - iii. “**Pelanggan Perbankan Prioriti**” dalam konteks ini merujuk kepada Pelanggan Bank yang telah memenuhi kriteria kelayakan Keahlian Perbankan Prioriti (“**Keahlian PB**”). Keahlian PB merujuk kepada jumlah gabungan AUM dan/atau Pelaburan Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000) atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa;
  - iv. “**Pelanggan Perbankan Persendirian**” dalam konteks ini merujuk kepada Pelanggan Bank yang telah memenuhi kriteria kelayakan Keahlian Perbankan Persendirian (“**Keahlian PV**”). Keahlian PV merujuk kepada jumlah gabungan AUM dan/atau Pelaburan Ringgit Malaysia Tiga Juta (RM3,000,000) atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
2. Pelanggan pemegang akaun utama bagi akaun berikut (**Akaun Penyertaan-i**) layak menyertai Kempen:
    - (a) Akaun Simpanan Asas-i Hong Leong
    - (b) Akaun Simpanan-i Hong Leong
    - (c) Akaun Semasa Asas-i Hong Leong
    - (d) Akaun Semasa-i Hong Leong
    - (e) Akaun Pay&Save-i Hong Leong
    - (f) Akaun Semasa One-i Hong Leong
    - (g) Akaun Simpanan Multi-tier-i Hong Leong
    - (h) Akaun Simpanan Asas-i Gaji Hong Leong
    - (i) Akaun Simpanan-i Gaji Hong Leong
    - (j) Akaun Pay&Save-i Gaji Hong Leong

3. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, menyalahi undang-undang atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLISB atau telah diisytiharkan muflis menurut petisyen oleh HLISB atau institusi kewangan lain atau mana-mana pihak ketiga atau terkaluk kepada apa-apa prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen **TIDAK** layak menyertai kempen ini.
4. Kakitangan HLISB Deposit-i tidak layak untuk menyertai kempen ini.

### **KAEDAH KEMPEN**

5. Kempen bulanan adalah seperti berikut:

<b>Bulan Kempen</b>	<b>Tarikh</b>
Kempen Bulan 1	1 Oktober 2019 – 31 Oktober 2019
Kempen Bulan 2	1 November 2019 – 30 November 2019
Kempen Bulan 3	1 Disember 2019 – 31 Disember 2019

6. Untuk mendapatkan penyertaan bagi kempen ini, pelanggan MESTI mematuhi kriteria kempen seperti dilampirkan jadual dibawah ("**Pelanggan Layak**"):

<b>Kriteria Kempen 1 – Untuk Pemegang Akaun Sedia Ada &amp; Baharu</b>	<b>Penyertaan yang diperolehi</b>
Setiap penambahan Baki Purata Bulanan (" <b>Penambahan MAB</b> ") Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) Dana Baharu yang didepositkan ke dalam Akaun Penyertaan-i dalam setiap bulan kempen	5

<b>Kriteria Kempen 2 – Untuk Pemegang Akaun Baharu sahaja</b>	<b>Penyertaan yang diperolehi</b>
Pembukaan Akaun Penyertaan-i baharu semasa tempoh kempen berlangsung: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Akaun Pay&amp;Save-i Hong Leong</li> <li>○ Akaun Pay&amp;Save-i Gaji Hong Leong</li> <li>○ Akaun Penyertaan-i Lain</li> </ul>	 5 5 1

7. Pelanggan Layak yang ingin memperoleh penyertaan seperti yang disediakan dalam kriteria kempen 1 dan 2 yang dinyatakan di bawah klausa 6 dikehendaki melakukan pendaftaran sekali sahaja melalui borang pendaftaran diri dalam talian di <http://www.hlb.com.my/100kr>, jika gagal Pelanggan Layak tidak akan dikira menyertai kempen ini. Semasa pendaftaran, Pelanggan Layak dikehendaki memberikan butiran berikut dan menjawab satu (1) soalan dengan betul semasa pendaftaran diri:

- (a) Nama penuh
- (b) Nombor akaun penyertaan-i
- (c) Nombor telefon
- (a) Alamat e-mel

Untuk mengelakkan keraguan setiap Akaun Penyertaan-i dianggap sebagai kemasukkan bebas. Bagi Pelanggan Layak yang mengambil bahagian dengan pelbagai Akaun Penyertaan-i, Pelanggan Layak dikehendaki melakukan pendaftaran sekali sahaja untuk setiap Akaun Penyertaan-i untuk mendapatkan kemasukkan tambahan bagi setiap Akaun Penyertaan-i.

8. Pelanggan Layak akan menerima pemberitahuan berkala mengenai jumlah penyertaan yang diperolehi melalui nombor telefon bimbit atau alamat e-mel yang telah diberikan dalam borang pendaftaran diri dalam talian di dalam klausa 7.

9. Pelanggan Layak yang memenuhi Kriteria 1 dan 2 seperti yang dinyatakan di dalam klausa 6 layak memenangi hadiah berikut ( “**Ganjaran**”):

Hadiah	Ganjaran (RM)	Bilangan Pemenang Bulanan	Jumlah Pemenang Untuk Kempen	Jumlah Nilai Ganjaran (RM)
Hadiah Utama Kempen*	100,000		1	100,000
Hadiah Utama Bulanan	10,000	1	3	30,000
Hadiah Bulanan	100	150	450	45,000

\*Hadiah Utama Kempen sebanyak RM100,000 adalah tertakluk kepada 4 bulan peruntukan dalam Akaun Penyertaan-i Pemenang Hadiah Utama Kempen.

10. Setiap Pelanggan Layak dibenarkan untuk memenangi lebih daripada satu (1) Hadiah Utama Bulanan dan lebih daripada satu (1) Hadiah Bulanan sepanjang Tempoh Kempen (“**Pemenang Ganjaran Bulanan**”). Hadiah Utama Bulanan dan Hadiah Bulanan secara kolektif dikenali sebagai “**Ganjaran Bulanan**”. Walau bagaimanapun, setiap Pelanggan Layak hanya berhak untuk memenangi satu (1) Ganjaran Bulanan (sama ada Hadiah Utama Bulanan atau Hadiah Bulanan) setiap Bulan Kempen. Walau bagaimanapun, Pemenang Ganjaran Bulanan masih berpeluang memenangi Hadiah Utama Kempen (“**Pemenang Hadiah Utama Kempen**”). Pemenang Ganjaran Bulanan dan Pemenang Hadiah Utama Kempen secara kolektif ditakrifkan sebagai “**Pemenang-pemenang**”. Ganjaran **TIDAK** boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga atau ditukar dan hanya akan dikreditkan ke Akaun Penyertaan-i Pemenang.
11. Penyertaan bulanan yang diperoleh tidak akan dibawa ke bulan berikutnya bagi cabutan hadiah bulanan (cth. penyertaan yang diperolehi dalam Bulan Kempen 1 tidak akan digunakan dalam Bulan Kempen 2).
12. Penyertaan bulanan yang diperoleh akan terkumpul untuk cabutan Hadiah Utama Kempen.
13. Semua deposit mestilah “**Dana Baharu**” sahaja. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, “**Dana Baharu**” ditakrifkan sebagai:
- Wang Tunai, antara bank GIRO, Pemindahan Segera, DuitNow dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Penyertaan-i; dan
  - Perolehan daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Kempen yang didepositkan semula ke dalam Akaun Penyertaan-i
14. Berikut TIDAK dianggap sebagai “**Dana Baharu**”:
- Deposit Tetap atau Deposit Tetap-i yang matang (“**FD/FD-i**”) atau pengeluaran pramatang akaun FD/FD-i sedia ada;
  - Pindahan dana antara bank, cth pemindahan dana daripada Akaun Penyertaan-i yang lain, Akaun FD / FD-i, Akaun Pelaburan Am (“GIA”) atau Akaun Pelaburan (“IA”); dan
  - Pindahan antara cawangan dalam HLB dan HLISB termasuk pemindahan pihak ketiga
15. MAB bermaksud Baki Purata Bulanan dan ditakrifkan sebagai jumlah baki terakhir setiap hari bagi bulan tersebut dibahagikan dengan jumlah hari dalam bulan tersebut
16. Garis Dasar adalah MAB untuk bulan-bulan sebelum bulan kempen.

Bulan Kempen	Garis Dasar	Pengiraan MAB
Kempen Bulan 1	MAB untuk September 2019	<u>Jumlah akhir baki pada 1 – 30 September 2019</u> 30 hari

Kempen Bulan 2	MAB untuk Oktober 2019	<u>Jumlah akhir baki pada 1 – 31 Oktober 2019</u> 31 hari
Kempen Bulan 3	MAB untuk November 2019	<u>Jumlah akhir baki pada 1 - 30 November 2019</u> 30 hari

17. Penambahan MAB ini ditakrifkan sebagai MAB bagi Akaun Penyertaan-i untuk Bulan Kempen tolak dari Garis Dasar.
18. Contoh-contoh pengiraan Garis Dasar, MAB, Penambahan MAB dan penyertaan yang diterima adalah seperti di bawah:

**Senario 1:** Pelanggan Sedia ada dengan baki berikut::

Penerangan	Pengiraan untuk Pelanggan Layak	
Garis Dasar	<u>Jumlah Baki Akhir Harian dari 1 September 2019 – 30 September 2019</u> Jumlah hari dalam bulan September 2019	
	cth.	= $\frac{(1 \text{ Sept}) \quad (2 \text{ Sept}) \quad (3 \text{ Sept}) \quad (30 \text{ Sept})}{\text{RM2,000} + \text{RM2,000} + \text{RM2,000} + \dots + \text{RM2,000}}$ 30 hari
		= $\frac{\text{RM60,000}}{30 \text{ hari}}$
		= <b>RM2,000 Garis Dasar</b>
MAB	<u>Jumlah Baki Akhir Harian dari 1 Oktober 2019 – 31 Oktober 2019</u> Jumlah Hari Dalam Tempoh Kempen Bulan 1	
	cth.	= $\frac{(1 \text{ Okt}) \quad (2 \text{ Okt}) \quad (3 \text{ Okt}) \quad (31 \text{ Okt})}{\text{RM2,500} + \text{RM2,500} + \text{RM2,500} + \dots + \text{RM2,500}}$ 31 hari
		= $\frac{\text{RM77,500}}{31 \text{ hari}}$
		= <b>RM2,500 MAB</b>
Penambahan MAB	MAB – Garis Dasar = Penambahan MAB	
	= RM2,500 – RM2,000	
	= <b>RM500 Penambahan MAB</b>	
Jumlah Penyertaan yang diperolehi	Pelanggan mengikut scenario di atas akan berhak untuk <b>lima (5) penyertaan</b> dengan kenaikan RM500 kerana Peningkatan MAB adalah RM500. <b>Jumlah Penyertaan = 1 x 5 penyertaan = 5 penyertaan</b>	

**Senario 2:** Pelanggan Baharu membuka Akaun Pay&Save-i Hong Leong pada 15 Oktober 2019  
(cth dalam Bulan Kempen 1):

Penerangan	Pengiraan Untuk Pelanggan Layak
Garis Dasar	Pelanggan Baharu akan mempunyai Garis Dasar <b>RM0.00</b> pada bulan akaun dibuka
Kempen MAB	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <p style="text-align: center;"><u>Jumlah baki harian dari 15 Oktober 2019 hingga 31 Oktober 2019</u> Jumlah hari dari tarikh akaun dibuka sehingga 31 October 2019</p> </div> $\begin{aligned} \text{cth} &= \frac{(15 \text{ Okt}) \quad (16 \text{ Okt}) \quad (17 \text{ Okt}) \quad \dots \quad (30 \text{ Okt})}{15 \text{ hari}} \\ &= \frac{\text{RM2,500} + \text{RM2,500} + \text{RM2,500} + \dots + \text{RM2,500}}{15 \text{ hari}} \\ &= \text{RM37,500} \\ &= \text{RM2,500 MAB} \end{aligned}$
Penambahan MAB	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <p style="text-align: center;">MAB – Garis Dasar = Penambahan MAB</p> </div> $\begin{aligned} &= \text{RM2,500.00} - \text{RM0.00} \\ &= \text{RM2,500 Penambahan MAB} \end{aligned}$
Jumlah Penyertaan diperolehi	<p>Opening of a new Pay&amp;Save Account-I = <b>5 additional entries</b></p> <p>Pelanggan Baharu seperti senario di atas juga mendapat <b>dua puluh lima (25) penyertaan</b> tambahan dengan lima (5) peningkatan sebanyak RM500 kerana Penambahan MAB adalah RM2,500.00.</p> <p><b>Jumlah Pernyertaan diperolehi = 5 + (5x5) = 5 + 25 = <u>30 Penyertaan</u></b></p>

### PENILAIAN PEMENANG DAN PEMBERIAN GANJARAN

19. Proses pemilihan pemenang adalah seperti berikut:-

- (a) Pelanggan Layak yang telah menjawab soalan dengan betul semasa pendaftaran diri (di bawah Klausa 7) dan penyertaan yang diperolehi mengikut Klausa 6 akan disenarai pendek untuk Ganjaran ("**Pelanggan Disenarai Pendek**");
- (b) Pemenang akan dipilih dari Pelanggan Disenarai Pendek melalui proses 'Pemilihan Rawak' Bank;
- (c) Selanjutnya, adalah budi bicara mutlak Bank untuk menentukan sama ada Pelanggan Disenarai Pendek akan berhak untuk Hadiah Utama Kempen, Hadiah Utama Bulanan atau Hadiah Saguhati Bulanan.

20. Pemenang Ganjaran Bulanan dipilih berdasarkan jumlah penyertaan yang diperolehi sepanjang Bulan Kempen.

21. Pemenang Hadiah Utama Kempen dipilih berdasarkan jumlah penyertaan yang diperolehi sepanjang Tempoh Kempen.

22. Pengumuman Pemenang-pemenang dan penyerahan Hadiah adalah seperti berikut ("**Pengumuman Pemenang**");

Pemenang	Pengumuman Pemenang	Fulfilment
Hadiah Utama Bulanan bagi Kempen Bulan 1	Pada 30 November 2019	Ganjaran akan dikreditkan ke Akaun Penyertaan-i Pemenang-pemenang dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir Tempoh Kempen.
Hadiah Bulanan bagi Kempen Bulan 1		
Hadiah Bulanan bagi Kempen Bulan 2	Pada 31 Disember 2019	
Hadiah Bulanan bagi Bulan Kempen 2		
Hadiah Utama Bulanan bagi Bulan Kempen 3	February 2020 ke atas	
Hadiah Bulanan bagi Bulan Kempen 3		
Hadiah utama	Sebelum / Pada Februari 2020	

23. Pemenang-pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Bank sama ada secara bertulis, melalui telefon, melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("**SMS**") atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap praktikal oleh Bank ("**Pemberitahuan Pemenang**") atas dasar usaha terbaik pada nombor telefon terkini mereka atau alamat yang berada dalam sistem dan / atau rekod Bank.

Untuk mengelakkan keraguan, adalah menjadi kewajipan Pelanggan untuk memberikan nombor dan alamat telefon mereka yang terkini dan tepat kepada Bank. Pihak Bank tidak akan dipertanggungjawabkan / bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghantar / menyampaikan Pemberitahuan Pemenang disebabkan oleh nombor telefon dan / atau alamat yang tidak tepat dan tidak sah yang diberikan oleh Pelanggan, atau SMS tidak dapat dihantar / diberikan atas apa jua sebab. Perkhidmatan SMS untuk Kempen ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (**482772-D**), vendor SMS yang dilantik secara rasminya oleh Bank ("M3 Tech").

24. Di samping itu, Pengumuman Pemenang (cth Nama dan nombor MyKad / pasport ("**ID**") yang disembunyikan) akan dipaparkan di laman web Bank di [www.hlisb.com.my/100k](http://www.hlisb.com.my/100k) -i dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah Klausula 22.
25. Ganjaran akan dikreditkan ke Akaun Penyertaan-i Pemenang dalam masa sembilan puluh (**90**) hari dari tarikh akhir Tempoh Kempen. Walau bagaimanapun, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab diatas sebarang kelewatan dalam mengkreditkan Ganjaran. Sekiranya Pemenang tidak menerima Ganjaran dalam tempoh seperti yang diperuntukkan di bawah Klausula 22, adalah pada dasarnya kewajipan Pemenang untuk menghubungi Bank berkenaan tidak-menerima Ganjaran dalam tempoh 30 hari dari tarikh akhir yang telah ditetapkan, jika gagal Pemenang disifatkan telah menerima Ganjaran dan sebarang tuntutan untuk pembayaran balik Ganjaran tidak akan dilayan oleh pihak Bank.
26. Akaun Penyertaan-i mestilah sentiasa buka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum Ringgit Malaysia Dua Ratus (**RM200**), jika gagal Ganjaran tersebut akan dibatalkan mengikut budi bicara mutlak Bank.
27. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran dan / atau refleksi dalam Akaun Penyertaan-i Pelanggan Layak atas deposit yang berkaitan yang mungkin menyebabkan Pelanggan Layak tidak memperoleh penyertaan bagi kempen.
28. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank dikecualikan daripada sebarang tanggungjawab dan semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir Ganjaran atau sebarang keadaan lain yang tidak

dijangka di luar kawalan munasabah Bank dan untuk apa-apa tindakan atau keingkaran daripada mana-mana pihak ketiga pembekal atau vendor (jika ada).

## UMUM

29. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan:

- (i) Bersetuju telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&C Kempen;
- (ii) Bersetuju bahawa T&C didalam ini, Terma-Terma & Syarat-Syarat Umum Hong Leong Islamic Bank dan Terma dan Syarat bagi Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i) berkenaan dengan Akaun Penyertaan-i atau sebarang terma dan syarat berkaitan yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa hendaklah dibaca sebagai perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat percanggahan, T&C didalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
- (iii) Bersetuju bahawa Ganjaran yang diperoleh daripada Kempen ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit awal, cek atau manfaat seumpamanya;
- (iv) Memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka cth. nombor telefon kepada M3 Tech dan / atau penyedia perkhidmatan yang berkaitan dan sesuai bagi tujuan ini;
- (v) Bersetuju bahawa keputusan Bank atas semua perkara berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan konklusif (termasuk tetapi tidak terhad kepada penentuan pemenang bagi Hadiah Utama Kempen, Hadiah Utama Bulanan, dan Hadiah Bulanan) adalah terikat ke atas semua Pelanggan dan tiada surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank akan dilayan; dan
- (vi) Bersetuju untuk mengakses laman web HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) (secara kolektif dirujuk sebagai "**Laman Web Bank**") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&C Kempen dan sentiasa mengikut sebarang kemaskini pada apa-apa perubahan atau pindaan kepada semua T&C.

30. Pihak Bank berhak:

- (i) Untuk menambah, membatalkan, menggantung atau meminda sebarang T&C yang terkandung didalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada menggantikan Ganjaran dengan tawaran atau produk lain yang sama nilainya secara mutlak, dengan menyiarkannya didalam Laman Web Bank dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari atau dengan apa-apa cara yang dianggap praktikal oleh pihak Bank;
- (ii) Untuk mengubah, menambah, membatalkan atau menggantikan mana-mana atau semua Ganjaran dengan produk alternatif yang sama nilai pada bila-bila masa dengan notis awal
- (iii) Untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan dari menyertai Kempen dan / atau berhak mendapat Ganjaran atas apa jua sebab yang dianggap wajar oleh pihak Bank mengikut budi bicara mutlak; dan
- (iv) Membatalkan Ganjaran sekiranya Pelanggan tidak mematuhi T&C didalam ini, Terma-Terma & Syarat-Syarat Umum Hong Leong Islamic Bank dan Terma dan Syarat bagi Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i) berkenaan dengan Akaun Penyertaan-i.

31. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bertanggungjawab untuk menanggung segala cukai, fi kerajaan atau lain-lain caj yang dikenakan keatas mereka seperti yang termaktub di bawah undang-undang yang berkenaan.

32. T&C didalam ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah di Malaysia.

33. Perkataan yang merujuk kepada satu jantina adalah termasuk semua jantina dan perkataan yang merujuk kepada tunggal adalah termasuk majmuk dan juga sebaliknya.

**Akaun Penyertaan-i adalah akaun deposit berasaskan prinsip Shariah Tawarruq dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.**